

Taburan hujan luar biasa cetus limpahan air banjir

Kota Bharu: Taburan hujan luar biasa sehingga 469 milimeter (mm) terutama di Pasir Mas pada Jumaat lalu antara punca berlaku limpahan air yang membawa banjir di beberapa daerah terdekat.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Shahimi Sharif berkata, taburan hujan itu bersamaan sukatan dua bulan, namun turun dalam tempoh sehari.

Katanya, situasi itu sekali gus menyebabkan peningkatan paras sungai di kawasan sekitar yang meningkat mendadak sehingga melimpah.

"Kebiasaanya taburan hujan normal adalah 30 mm sehari, namun hari

berkenaan, Jabatan Meteorologi Malaysia merekodkan bacaan mencecah 469 mm di Pasir Mas, diikuti daerah Tumpat (467 mm), Pasir Puteh (403 mm), Kota Bharu (275 mm) dan 157 mm.

"Keadaan menyebabkan paras sungai utama seperti Sungai Golok dan Sungai Kelantan meningkat mendadak dan melimpah mengakibatkan banjir.

"Ia turut memberi kesan kepada sungai kecil yang tidak dapat menampung jumlah hujan yang tinggi sehingga menyebabkan banjir di kawasan berhampiran. Di bandar pula, sistem saliran tidak sempurna mengakibatkan limpahan," katanya.